

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Sungguhpun Dasar Ekonomi Baru serta hak dan keistimewaan orang Melayu dan suku-suku kaum, sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan, memastikan masa depan yang lebih terjamin bagi kaum Bumiputra, kita hendaklah bergerak cergas, melibatkan diri, serta menyertai sepenuhnya, dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang sedang berkembang pesat. Kaum Bumiputra, iaitu suku-suku kaum, mestilah merebut segala peluang yang telah diwujudkan, serta menggunakan setiap kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, bagi menikmati faedah yang lebih berkesan dari dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan.